

## **NFC: SATU-SATUNYA BENTENG BUMIPUTRA YANG KITA ADA**

Saudara Pengarang,

Saya begitu kagum dengan semangat yang ditunjukkan oleh sahabat saya Rafizi Ramli yang mana sehingga ke hari ini tidak habis-habis beliau mendedahkan isu National Feedlot Corporation (NFCorp), syarikat yang dilantik kerajaan untuk mengurus dan membangunkan projek Pusat Fidlol Nasional.

Rafizi Ramli seorang yang begitu konsisten dengan apa yang dilakukannya. Apa tidaknya, sehingga ke hari ini beliau tidak henti-henti terus bercakap tentang RM250 Juta yang didakwanya telah diseleweng sehingga mengheret Pengerusi Eksekutif NFCorp Dato' Seri Dr Mohamad Salleh Ismail (Salleh) ke Mahkamah atas beberapa tuduhan.

### **NFCorp dan Bangsa**

NFCorp, satu-satunya syarikat bumiputra yang terjun dalam industri daging lembu yang mana telah sejak sekian lama dimonopoli oleh kaum bukan bumiputra. Inilah satu-satunya syarikat melayu, dalam tempoh 2 tahun penubuhannya untuk satu projek yang mengambil masa 30 tahun, telah berjaya memasuki pasaran tempatan yang mampu memberi hasil 2 bilion setahun yang telah sejak sekian lama dimonopoli oleh kaum bukan bumiputera. Selebihnya kita hanya bergantung kepada pasaran luar. Saya kecewa, bermula dari hari pertama setelah laporan Ketua Audit Negara dibuat, semenjak itu Rafizi dan sahabat-sahabat beliau yang lain seakan-akan, pada anggapan saya sudah lama merancang untuk menjatuhkan syarikat bumiputra yang sedang membangun untuk bersaing dengan syarikat bukan bumiputra dalam industri pengeluaran daging lembu. Tapi mungkin anggapan saya silap, kerana mana mungkin Rafizi, yang mempunyai status bumiputra tergamak untuk menjatuhkan bangsanya sendiri? Apatah lagi penubuhan NFCorp adalah untuk membantu golongan bumiputra melalui pelbagai program yang telah direncana. NFCorp juga merupakan pemangkin kepada pengeluaran daging halal (Halal beef) yang menekankan soal kebersihan dan prosedur penyembelihan. Apakah Rafizi Ramli tergamak untuk mengorbankan bangsanya dan agamanya sendiri?. Tidak mungkin Rafizi di upah oleh siapa-siapa untuk mencipta segala spekulasi ini dengan harapan agar NFCorp jatuh tersungkur dibumi sendiri.

Saudara Pengarang,

Saya melihat isu NFC ini dalam konteks yang berbeza. Mungkin ada yang kata tulisan ini begitu konservatif. Konservatif kerana saya tidak letakkan tulisan ini dalam bentuk kepartisan seperti yang banyak saya lihat dada-dada akhbar. Tapi tulisan saya ini hanyalah dari pandangan rakyat marhain yang sentiasa mengiyakan apa sahaja yang direncana oleh pemerintah asalkan kebajikan rakyat terbela, Negara aman damai, pemimpin yang mulia, dan juga bangsa yang berfikiran kelas pertama, yang berani dengan jiwa yang kompetitif!

### **NFCorp, budak sekolah dan diam-diam sang lembu**

Saya melihat NFCorp bagaikan si budak sekolah baru darjah satu berpindah disekolah yang baru. Jiwanya cukup kental untuk berdepan dengan pelbagai ragam di sekolah yang cukup besar dari pandangnya. Dengan wajah yang "bersahaja" dia masuk ke dalam kelas dan lihat ramai pelajar-pelajar yang juga pesaingnya jeling-jeling, pandang-pandang ke arahnya. Hari-hari di ejek, hari-hari dipinggirkan, hari-hari diganggu. Dia hanya diam membisu. Bukan takut, cuma dia tidak biasa dan tidak tahu untuk memberi sebarang riaksi terhadap apa yang berlaku.

Kedatangan budak baru disekolah tersebut bukan untuk mengganggu sesiapa, tetapi hadirnya disekolah itu adalah sebagai kawan baru yang akan menjadi pesaing kepada kawan-kawan disekolahnya. Tetapi kasihan apabila kedatangannya telah menjadi ancaman yang cukup ngeri sehingga dia difitnah, didakwa dan dituduh oleh rakan-rakan pesaingnya yang lain!. Satu persaingan yang tidak sihat.

Hari ini, NFCorp bangkit sebagai pejuang sebenar. Setelah sekian lama membisu dengan tekanan yang diberi oleh Rafizi Ramli, NFCorp tiba-tiba menjadi hangat dengan sabitan Akta Bank dan Institusi Kewangan (BAFIA) keatas Rafizi Ramli dan juga sebuah bank yang terlibat dalam penyebaran maklumat akaun milik syarikat NFCorp, akaun persendirian Salleh dan juga anak-anaknya. Satu sejarah telah terbina dalam industri kewangan Negara tatkala ini merupakan kes pertama seumpamanya yang berlaku di Malaysia!

Ketaksuban Rafizi Ramli untuk menjatuhkan NFCorp telah menjerat dirinya sendiri. Agak pelik apabila seorang pengarah strategic PKR yang mempunyai pertauliah dalam bidang kira-kira (akauntan) terlepas pandang dengan akta BAFIA. Atau apakah mungkin dek kerana obsesi beliau dalam politik telah menyebabkan beliau lupa akan kewujudan undang-undang yang boleh memungkinkan beliau diheret ke balik tirai besi!

Sebagai saudara yang kasih akan saudaranya sendiri, saya harus mengingatkan Rafizi dia harus berhati-hati dengan setiap kenyataan yang dibuatnya ke atas NFCorp selama ini. Iya, kita mungkin terpana dengan bait bicara hujahnya, kita mungkin terpana dengan segala macam bukti-bukti yang didendangkan kepada rakyat jelata, kita mungkin terpengaruh dengan segala angka kira-kira yang dibuatnya keatas NFCorp. Tetapi Rafizi Ramli perlu ingat bahawa setiap apa yang diujahnya, setiap apa yang didendangkannya, setiap nombor yang didedharkannya – semua itu hanyalah dapatan dari pihak dia sendiri tanpa kepastian menyeluruh dari NFCorp. Saya pasti NFCorp akan terus berjuang membidas semula segala kenyataan yang dibuat Rafizi selama ini. Diam-diam NFCorp selama ini bukanlah diam-diam ubi yang hanya duduk didalam tanah dan akhirnya menjadi santapan manusia, tetapi diam-diam NFCorp adalah diam-diam seekor lembu yang bukan sekadar meragut rumput tetapi mampu memberi baja kepada tanah!

### **RAFIZI RAMLI DAN MALAYSIA CHRONICLE**

Saya begitu simpati dengan Rafizi Ramli apabila membaca artikel terbaru beliau yang dipaparkan di Malaysia Chronicle yang bertajuk “NFC tidak menghormati undang-undang dan mengkhianati amanah rakyat”

1. Semenjak hampir 6 bulan yang lalu beliau tidak henti-henti membangkitkan isu RM250 juta. Dan lebih meruntun hati rakyat jelata adalah apabila beliau seringkali menyebut *“Dato Seri Salleh dan keluarganya masih terus menggunakan dana rakyat sewenang-wenangnya”*. Kenyataan ini sudah cukup untuk membangkitkan api kemarahan rakyat jelata. Siapa yang tidak marah kalau mendapati duit rakyat digunakan sewenang-wenangnya?.

Dalam artikel yang sama juga beliau menyebut tentang *“Mereka juga belum menyerahkan harta mewah yang dibeli menggunakan dana RM250 Juta..”*. Wahai saudaraku Rafizi, apalah yang mahu diserahkan oleh mereka lagi

sehingga mereka sudahpun diheret ke kandang mahkamah atas 4 tuduhan? Apa lagi yang ingin Rafizi mahu?.

2. Rafizi juga mempersoalkan permohonan passport yang yang dibuat Salleh atas alasan untuk menunaikan Umrah. Entah macam mana Salleh boleh ke luar Negara tatkala sepanjang masa Rafizi tidak henti-henti bercakap tentang dirinya?. Berbagai-bagai perkara yang harus dilalui Salleh untuk berdepan dengan segala dakwaan tidak berasas Rafizi. Harus berdepan media, harus bertemu peguam, ke balai polis, ke sana ke mari semuanya disebabkan oleh kenyataan Rafizi yang bertali arus keatas dirinya, keluarganya dan juga NFcorp.

3. Rafizi dengan angkuhnya lagi sekali menulis tentang KL Eco City walaupun isu ini sudahpun dibawa ke Bank Negara Malaysia dan laporan polis telahpun dibuat. Kita tunggu sahaja apa keputusan diakhirnya nanti. Saya pasti, Salleh mempunyai bukti yang kukuh untuk membawa Rafizi ke kandang bersalah. Undang-undang BAFIA dan kredibiliti Polis DiRaja Malaysia akan pasti menjadi asas kepada kebenaran atau penipuan.

### **BUKAN SAYA DIHINA DIMATA RAKYAT.-Rafizi Ramli**

Melalui artikel yang ditulis Rafizi dalam Malaysia Chronicle, saya dapat rasakan beliau benar-benar dalam keadaan gusar dek sabitan BAFIA yang dibuat NFCorp keatasnya.

Kenyataan-kenyataan beliau tidak ubah seperti mahukan belas ihsan dari rakyat untuk terus berada disampingnya. Tapi dia jangan lupa bahawa Undang-undang dan rakyat merupakan jalinan yang lebih kuat dari jalinan kemanusiaan semata-mata. Sesungguhnya, matlamat tidak pernah menghalalkan cara.

### **KESIMPULAN.**

Sudah lama kita menunggu si lembu keluar dari kandangnya. Dan hari ini, kita sudah lihat betapa lembu yang selama ini sepi dan sekadar menurut kehendak dan tekanan sekeliling telah bangkit dan akan berjuang sehabis-habisan demi sebuah kebenaran yang tak terucap!

Yang benar,

-Penternak Ayam Kampung-  
Bachok, Kelantan